

2023 GCE 'NA' Level Malay Practice Paper 2 (1197/2)

Duration: 1h 30 min

Total Marks: 60

BAHAGIAN A

Soalan A1 (10 markah)

Arahan: Dalam petikan karangan di bawah ini terdapat lima patah perkataan yang digarisi. Bubuh imbuhan yang sesuai pada setiap perkataan. Tulis jawapan kamu di Buku Jawapan yang disediakan.

Program Pejuang Keharmonian Yayasan Temasek-Roses of Peace telah melantik hampir 80 belia warga Singapura dari institut-institut pengajian tinggi sebagai Pejuang Keharmonian. Tujuan program ini **(1) ada** adalah untuk membina keupayaan mereka sebagai Pejuang Keharmonian. Belia-belie ini telah **(2) jalan** pelbagai latihan untuk melengkapkan diri dengan **(3) mahir** yang diperlukan. Mereka akan memainkan **(4) peran** aktif dalam membina jambatan yang dapat merentasi masyarakat **(5) bilang** bangsa dan kepercayaan. Mereka juga diharapkan dapat memperjuangkan inisiatif memupuk keamanan di kampus masing-masing. Dengan usaha-usaha seperti ini, diharapkan para belia tidak mudah diperdaya atau dieksploitasi kumpulan-kumpulan yang tidak bertanggungjawab.

Dipetik dan disesuaikan daripada artikel BH Zulaiqah Abdul Rahim (2023, Feb 27). '*Ruang selamat*' bagi belia tangani naratif palsu media social: Presiden Halimah

Soalan A2 (5 markah)

Arahan: Pilih peribahasa yang paling sesuai daripada senarai yang diberikan di bawah ini bagi tiap-tiap keterangan yang bergaris bawah dalam teks yang berikut. Kemudian, lorek huruf jawapan pilihan kamu di Buku Jawapan yang disediakan.

- (A) ada kerak adalah nasi
- (B) genggam bara api biar sampai jadi arang
- (C) diam-diam ubi berisi, diam-diam besi berkarat
- (D) jika ular menyusur akar, tidak akan hilang bisanya
- (E) hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah
- (F) jika asal benih yang baik, jatuh ke laut menjadi pulau
- (G) harapkan guruh dilangit, air di tempayan dicurahkan
- (H) berjagung-jagung dahulu sementara menanti padi masak
- (I) belum disuruh sudah pergi, belum dipanggil sudah datang
- (J) jika tidak dipecah ruyung, di mana boleh mendapat sagunya

Keputusan Hadi untuk menerima tawaran kerja di luar negara mendapat tetangan keluarga dan rakan-rakannya. Menurut kata mereka, risikonya banyak. Namun, Hadi yakin bahawa kesabaran dan sikap tidak gentar untuk kerja keras pasti akan mendatangkan hasil yang dikehendakinya. Tidak dapat disangkal **(6) membuat sesuatu pekerjaan yang sukar atau susah hendaklah bersabar sehingga mencapai kejayaan**. Hadi membuat keputusan untuk meneruskan rancangannya. Malangnya, tidak lama selepas dia memulakan pekerjaan baharunya, syarikat itu menghadapi beberapa masalah.

“Kau degil. Inilah padahnya. Bukankah **(7) tiap perbuatan tentu meninggalkan kesannya?**”

Terngiang-ngiang di telinga Hadi kata-kata Rizal. Namun Hadi tetap tenang. Pemilik syarikat tempat dia bekerja dan rakan-rakan sekerjanya yang baharu sebulat suara bertekad untuk sama-sama mengharungi masa sukar mereka bersama. Mereka akur untuk **(8) sama-sama menikmati kesenangan dan kesusahan**. Hadi dapat merasakan keikhlasan majikannya untuk menyelamatkan kedudukan syarikat. Walaupun berkedudukan tinggi, majikannya tidak sombong dan disanjung tinggi kerana sentiasa menyantuni pekerja-pekerjanya. Jelaslah **(9) orang besar atau mulia tidak akan hilang martabatnya jika ia merendahkan dirinya sekalipun**. Hasilnya berkat kesabaran dan kerja keras pekerja-pekerja yang **(10) cerdik dan rajin**, syarikat itu berjaya mencari jalan keluar. Para pekerja yang setia seperti Hadi mendapat ganjaran yang setimpal.

Soalan A3 (5 markah)

Arahan: Pilih sepatah perkataan yang paling sesuai bagi mengisi tempat kosong dalam teks yang berikut. Kemudian, lorek huruf jawapan pilihan kamu di Buku Jawapan yang disediakan.

(A) acuan	(B) bekas	(C) berwarna-warni
(D) ciri	(E) comel	(F) jenis
(G) juadah	(H) seenak	

Kuih lompong merujuk kepada sejenis kuih tradisional Melayu yang kini jarang kita jumpa di Singapura. Kuih ini menyihatkan kerana merupakan **(11)**_____ kuih yang dikukus. Biasanya, kuih lompong **(12)**_____ dan dihidangkan dengan kelapa parut yang dikukus. Satu **(13)**_____ menarik kuih ini ialah bentuknya yang kecil dan **(14)**_____ . Kuih ini mendapatkan bentuknya daripada cawan-cawan kecil yang digunakan sebagai **(15)**_____ . Setelah dikukus, kuih ini akan menjadi kenyal dengan sedikit lubang atau lompong di tengah-tengahnya. Kuih lompong sesuai dijadikan sajian makanan petang kerana ia enak dan mudah dihidangkan.

BAHAGIAN B (10 markah)

Arahan: Baca petikan karangan berikut dengan teliti.

Petikan 1

Tahukah anda?

MAJALAH KITA

EDISI SEPTEMBER 2023

Tahukah anda bahawa masih ada lagi beberapa bangunan istana di Singapura? Ayuh kita kenali tempat-tempat bersejarah yang masih wujud di tanah air kita.

The Istana

Bangunan yang tersergam indah di Orchard Road ini ialah kediaman rasmi dan pejabat presiden Singapura. Selain itu, Istana juga merupakan tempat presiden menerima tetamu negara.

Perkarangan Istana sering digunakan untuk majlis-majlis kenegaraan dan majlis-majlis istiadat seperti pelantikan menteri dan sebagainya.

Bangunan Istana dan kawasan sekelilingnya dibuka lima kali setahun kepada orang ramai semasa cuti umum terpilih seperti hari-hari perayaan dan Hari Kebangsaan. Upacara Perarakan Pertukaran Pengawal Istana diadakan pada hari Ahad pertama setiap bulan. Upacara ini sering menjadi tumpuan orang awam.



Namun pasti ramai yang tidak sedar bahawa terdapat lebih daripada 20 istana silam yang pernah wujud di Singapura. Antara yang masih berdiri teguh ialah Istana Kampung Glam yang kini dikenali sebagai Taman Warisan Melayu dan Istana Siak.

Istana Siak



Bangunan yang lebih dikenali sebagai Mount Emily Villa ini merupakan bekas istana sultan ke-12 kerajaan Siak dari Sumatera, Indonesia iaitu Sultan Syariff Kasim pada akhir abad ke 19. Istana ini kemudian dijual kepada seorang tatkala baginda terpaksa pulang ke Siak secara tiba-tiba.

Kini, istana yang terletak di Upper Wilkie Road menempatkan sebuah kafe dan menjadi sebuah pusat seni bebas.

Beberapa istana silam lain yang tercatat dalam sejarah dan kini hanya menjadi kenangan ialah Istana Bukit Larangan, Istana Woodneuk, Istana Bidadari dan Istana Tyersall.

Gambar daripada https://en.wikipedia.org/wiki/The_Istana dan <https://www.roots.gov.sg/en/places/places-landing/Places/surveyed-sites/mount-emily-villa>

Arahan: Berdasarkan petikan karangan di halaman 4, jawab soalan-soalan di bawah ini dengan memilih jawapan yang sesuai. Kemudian, lorekkan huruf jawapan pilihan kamu di Buku Jawapan yang disediakan.

- 16 Perkarangan Istana dibuka semasa cuti umum terpilih untuk _____ .
- (A) keluarga
 - (B) orang awam
 - (C) kanak-kanak
 - (D) tetamu negara
- 17 Setelah membaca petikan ini, kita dapat membuat kesimpulan bahawa petikan ini bertujuan untuk _____
- (A) mengajak orang awam meneroka istana lama
 - (B) meningkatkan kesedaran tentang istana-istana silam
 - (C) mengumumkan upacara-upacara yang dijalankan pihak istana
 - (D) menggalakkan orang ramai menghadiri acara pertukaran pengawal istana
- 18 Perkataan 'tumpuan' dalam petikan bermaksud _____.
- (A) bantuan
 - (B) pangkalan
 - (C) pusat perhatian
 - (D) tempat pertemuan

SUKAN UNIK DI SEA KEMBOJA

Lebih 7,000 atlet dari negara-negara Asia Tenggara telah bertarung dalam 36 sukan di temasya dwitahunan Sukan SEA yang diadakan di Kemboja. Edisi temasya kali ini turut menampilkan sukan tempatan dari negara tuan rumah dan sukan-sukan unik yang lain.



Sukan Teqball dicipta di Hungary pada tahun 2012. Teqball dimainkan di atas meja melengkung khas. Sukan ini merupakan gabungan antara bola sepak dan pingpong yang memerlukan ketangkasan, stamina dan sepakan akrobatik atas kepala. Teqball diperkenalkan sebagai sukan demonstrasi di Sukan SEA tahun ini kerana ia mencari pengiktirafan pingat di acara sukan lain di seluruh dunia.

Kun bokator merupakan seni mempertahankan diri yang berasal dari Kemboja. Seni ini dipercayai wujud sejak lebih 1,000 tahun semasa empayar Khmer berkuasa. Sukan ini menggabungkan penggunaan siku, tulang kering dan aksi 'kunci dan gelut'.

Sukan ini membuat penampilan sulung dalam Sukan SEA hanya setahun selepas tersenarai dalam Warisan Budaya Tidak Ketara Kemanusiaan (ICH) Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (Unesco).

Setelah hampir pupus dalam tahun 1970-an, sukan itu berjaya menarik minat ramai pengikut Kemboja yang berminat untuk mengekalkan budaya mereka.



Dua sukan lain ialah Chinlone dan Arnis. Chinlone mirip dengan permainan mengimbang capteh. Pemain haruslah mengelakkan bola daripada jatuh ke lantai dengan menggunakan mana-mana bahagian badan kecuali tangan.

Arnis pula ialah sejenis seni bela diri dari Filipina. Sukan ini memerlukan dua atlet berperisai badan dan bertopi keledar cuba mengenakan pukulan antara satu sama lain dengan baton yang diperbuat daripada rotan.

Arahan: Berdasarkan petikan karangan di halaman 6, jawab soalan-soalan di bawah ini dengan memilih jawapan yang paling sesuai. Kemudian, lorek huruf jawapan pilihan kamu di Buku Jawapan yang disediakan.

- 19** Sukan Teqball merupakan sukan pertunjukan kerana sukan ini _____.
- (A) berasal dari negara Eropah
 - (B) merupakan sukan yang baru sahaja dicipta
 - (C) cuba mendapatkan pengakuan di acara sukan lain di seluruh dunia
 - (D) memerlukan pemain yang tangkas, berstamina tinggi dan akrobatik
- 20** Kita dapat membuat kesimpulan bahawa antara tujuan utama temasya sukan SEA diadakan adalah untuk _____.
- (A) mempamerkan sukan pertahanan diri
 - (B) mencari bakat dalam kalangan golongan muda
 - (C) melestarikan sukan-sukan yang popular di rantau ini
 - (D) mempromosikan negara-negara yang mengambil bahagian

BAHAGIAN C (30 markah)

Arahan: Baca petikan karangan berikut dengan teliti.

<p>Rila merenung cermin di depannya. Parut besar di pipinya sukar untuk disembunyikan. Entah berapa tebal mekap yang sudah ditepek di mukanya. Dia sudah tidak sempurna seperti gadis-gadis lain.</p>	
<p>Jelas terpahat dalam ingatan Rila kejadian yang menyebabkan wajahnya menjadi begitu. Memang dia anak yang dangkal. Nasihat ibunya agar dia menumpukan perhatian terhadap pelajaran sering tidak diendahkan. Rila kerap ponteng sekolah dan pulang lewat malam. Dia lebih mengutamakan kawan-kawan yang dikenalnya di alam siber. Ramai di antara mereka merupakan pengaruh dan Rila kagum dengan bilangan pengikut mereka serta gaya hidup mereka. Dia mengikut mereka bukan sahaja di alam siber tapi ke mana-mana sahaja mereka pergi. Dia ingin bebas. Dia ingin menjadi terkenal seperti mereka.</p>	5 10
<p>Akibat tidak mendengar kata, bukan kebebasan yang Rila peroleh tetapi sebaliknya. Rila terpaksa berdepan dengan kecederaan wajahnya daripada kemalangan yang menimpanya sewaktu dia ikut mereka berpesta. Malam itu mereka telah mengenalkan Rila dengan minuman beralkohol. Dalam keadaan mabuk mereka membuat keputusan untuk bermain papan selaju di luar chalet tempat mereka berpesta.</p>	15
<p>Penyesalan Rila tiada penghujungnya. Sepanjang dia di hospital, tiada seorang pun rakan-rakannya itu menghubunginya. Datang melawat, jauh sekali! Dia menyesal kerana terlalu taksu dengan mereka. Rila membuang nombor-nombor mereka dari telefonnya. Perasaan sebak menyelina ke hati Rila setiap kali dia melihat ibunya. Sebagai ibu tunggal, ibunya terpaksa memikul tanggungjawab mencari nafkah dan menguruskannya di hospital selepas seharian bekerja.</p>	20
<p>“Jangan risau Rila, ibu akan tanya Pakcik Nizam kalau insurans yang ibu beli cukup atau tidak. Ibu juga akan kumpul duit supaya Rila boleh dapatkan rawatan pembedahan plastik,” suara ibu yang lembut menyejukkan hati Rila.</p>	25
<p>Namun Rila sudah bertekad untuk berubah. Walaupun beberapa kali ibunya memujuk, Rila cekat dengan keputusannya. Buat masa ini dia tidak mahu menjalani sebarang pembedahan. Biarlah parut di wajahnya itu menjadi peringatan kepadanya. Itulah alasan yang Rila berikan kepada ibunya. Walaupun wajahnya kini berbekas, Rila tahu kecantikan luaran bukanlah segala-galanya. Kebijaksanaan, kerja keras dan akhlak yang baiklah yang bakal membawanya mencapai kecemerlangan.</p>	30
<p>“Maafkan Rila, Ibu.”</p> <p>Ibu Rila mendakap erat anaknya sambil menitiskan air mata kesyukuran.</p>	

Arahan: Berdasarkan petikan karangan di halaman 8, jawab soalan-soalan yang diberikan. Tulis jawapan kamu di dalam Buku Jawapan yang disediakan.

- 21** Mengapakah Rila dianggap tidak sempurna seperti gadis lain? (3 markah)
- 22** Berikan bukti yang menunjukkan dia tidak mendengar nasihat ibunya. (3 markah)
- 23** Jelaskan dua perubahan yang berlaku kepada Rila setelah kemalangan itu berlaku. (5 markah)
- 24** Cara Rila memilih kawan telah meninggalkan kesan yang negatif kepada dirinya. Apakah kesan-kesan tersebut. (5 markah)
- 25** Jelaskan mengapa ibu Rila rasa bersyukur. (5 markah)
- 26** Berikan bukti-bukti yang menunjukkan bahawa Rila seorang remaja yang kuat semangat. (5 markah)

Arahan: Terangkan maksud perkataan atau frasa berikut berdasarkan penggunaannya dalam petikan.

- 27** dangkal (baris 5) (2 markah)
- 28** mencari nafkah (baris 20) (2 markah)

Selesai